

Headline **FRIM serah RM5,000 bantu mangsa tsunami**
 Date **27 Apr 2011**
 MediaTitle **Berita Harian**
 Section **Nasional**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
 Page No **6**
 Article Size **233 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **10,265**
 PRValue **30,795**



WAN RAHMAH menyampaikan cek bernilai RM5,000 untuk Tabung Bencana Tsunami Jepun kepada Wan Abdillah di Balai Berita, semalam.

TABUNG BENCANA

Bagi membantu mangsa gempa bumi dan tsunami di Jepun.

Sumbangan boleh dilantar ke Bahagian Kewangan NSTP, 31 Jalan Riong, 59100, Kuala Lumpur dan pejabat cawangan atau cek atas nama Tabung Bencana NSTP-Media Prima Akaun Maybank : 514105-320757
(Sila tulis nama penuh dan alamat di belakang cek)

Dengan kerjasama Bulan Sabit Malaysia

FRIM serah RM5,000 bantu mangsa tsunami

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) semalam menyerahkan sumbangan RM5,000 kepada Tabung Bencana The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP)-Media Prima bagi membantu mangsa gempa bumi dan tsunami di Jepun.

Sumbangan itu hasil kuitipan derma kakitangan FRIM melalui tabung kebajikan yang dilancarkan sejak lima tahun lalu.

Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia FRIM, Wan Rahmah Wan A Raof, berkata pihaknya menyumbangkan derma itu kerana prihatin dengan nasib

menimpa rakyat Jepun yang terbabit dalam bencana berkenaan.

"Sumbangan tidak seberapa ini adalah cara terbaik menunjukkan keprihatinan kami kepada ribuan mangsa tsunami yang memerlukan bantuan."

"FRIM juga banyak menjalin kerjasama dan aktiviti

penjagaan alam sekitar bersama syarikat tempatan Jepun," katanya pada Majlis Penyampaian Tabung Bencana NSTP-Media Prima di Balai Berita NSTP Jalan Riong di sini, semalam.

Replika cek diserahkan Wan Rahmah kepada Ketua Perhubungan Korporat NSTP, Wan Abdillah Wan Nawi.